

03/09/1999

Abdullah gesa usahawan IT manfaat kemudahan

CYBERJAYA, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa usahawan teknologi maklumat (IT) memanfaatkan sepenuhnya infrastruktur fizikal dan kawalan yang disediakan untuk memacu pertumbuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Timbalan Perdana Menteri berkata, usahawan terbabit juga perlu sentiasa bersedia menghadapi perubahan supaya tidak ketinggalan kerana dalam bidang IT, inovasi dan rekaan terbaru berlaku hampir setiap hari.

"Kerajaan Malaysia memberi sokongan dan bantuan sepenuhnya untuk perancangan serta perkembangan industri IT di negara ini.

"Ini membuktikan kegigihan kerajaan untuk mengembangkan idea yang hanya dicetuskan tiga tahun lalu dan kini menjadi realiti apabila kemudahan infrastruktur MSC, Putrajaya dan Cyberjaya berjaya disediakan dalam tempoh yang begitu singkat.

"Justeru, kita ingin lihat lebih banyak syarikat IT tempatan menerokai perniagaan yang berani dan inovatif itu, pada masa yang sama berkongsi teknologi dengan firma tempatan dan asing untuk meningkatkan peranan Malaysia dalam revolusi digital global," katanya ketika melancarkan WebHost Asia di sini, hari ini.

WebHost Asia adalah satu perkhidmatan yang disediakan Multimedia Interactive Television Sdn Bhd (MiTV), yang menawarkan platform bagi komunikasi bergerak bersepadu dengan memanfaatkan Internet sebagai penyedia perkhidmatan isi kandungan.

Abdullah berkata, kegawatan ekonomi sejak dua tahun lalu tidak mematahkan semangat kerajaan untuk meletakkan Malaysia setaraf negara maju.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan tabah, tegas dan kerja keras berjaya merealisasikan impian Malaysia untuk memiliki bandar raya pintar.

"Sekiranya kegawatan ekonomi dijadikan alasan untuk menangguhkan pelaksanaan projek MSC dan Cyberjaya, sudah pasti hari ini kita akan ketinggalan jauh dalam pembangunan infrastruktur IT, yang kini diisytihar oleh pakar sebagai antara yang terbaik di dunia," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa syarikat milik Malaysia dan asing menggunakan sepenuhnya peluang yang ada, dengan menubuhkan gabungan dan usaha sama yang strategik.

Katanya, kerajaan melaksanakan konsep perkongsian bijak pada 1980-an dan terbukti berjaya berdasarkan pertumbuhan pesat negara sejak akhir dekad lalu.

"Berkongsi tidak mengurangkan daya saing, malah ia menyediakan sumber bersama yang jika digabungkan boleh berkembang dan maju dengan berkesan bagi faedah bersama," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MiTV, Datuk Rosman Ridzwan berkata MiTV menyertai perniagaan multimedia kerana yakin banyak peluang dapat diraih dalam bidang IT.

"Gabungan teknologi maklumat, telekomunikasi dan penyiaran adalah kaedah paling terkini di dunia hari ini. Penumpuan teknologi berkenaan akan menjadi perantara atau platform perniagaan pada masa depan," katanya.

(END)